

EKSTRA

● Sejak lebih dua dekad, Pakistan menjadi negara baru tempat menumpang hidup. Terdapat kira-kira tiga juta pelarian rakyat Afghanistan di negara itu dan separuh daripadanya adalah kanak-kanak.

● Mengikut Perangkaan Tabung Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF) terdapat lebih kurang 10 juta daripada 22 juta penduduk Afghanistan adalah mereka yang berumur di bawah 18 tahun.

● Kanak-kanak

Oleh SITI NOR AFZAN KASIMAN
afzan.kasiman@kosmo.com.my

HAMPIR 23 tahun peperangan melanda Afghanistan, belum ada tanda-tanda rakyat negara itu dapat lari daripada konflik, bahkan kehidupan di bumi tandus itu diramal semakin rumit.

Setiap hari ada saja berita kematian melibatkan golongan lelaki yang rata-rata menyara keluarga dengan menjadi petani.

Kebanyakan mereka bukan mati kerana penyakit atau kekurangan makanan sebaliknya diktakan berpunca daripada perbuatan pejuang Taliban.

Apa yang pasti, kehilangan suami yang menjadi tulang keluarga merupakan igauan ngeri wanita Afghanistan.

Kehilangan tempat bergantung memaksa mereka mengemis demi kelangsungan hidup anak-anak.

Tidak hairanlah, senario wanita yang lengkap berpakaian jubah atau burqa menarik baju, menangis dan memberi salam sambil menadah tangan meminta wang menjadi pemandangan yang sangat biasa di sana.

Selain berdepan dengan trauma akibat perang, nasib wanita dan kanak-kanak perempuan di negara itu juga jauh lebih sukar jika dibandingkan dengan Malaysia ataupun negara miskin lain.



KAUM wanita Afghanistan terpaksa menempuh kehidupan yang sukar disebabkan diskriminasi yang melampau.

Nasib wanita hidung dihiris

KOSMO 05 SEP 2010 MS 50

Walaupun pelbagai usaha dilakukan untuk meningkatkan taraf hidup wanita dan kanak-kanak di Afghanistan, sehingga kini nasib mereka belum terbela.

yang hanya mahu dikenali sebagai Aisha, 18, kesengsaraan hidup di bumi Afghanistan bukan sahaja

suatu malam, pintu rumahnya diterjah oleh askar Taliban dan diseret dengan mata dibalut ke se-

pengsan tetapi sedar tidak lama kemudian selepas tercekik darah saya sendiri," ceritanya yang di-

Mangsa perang ini boleh dilihat di mana-mana khususnya di lima bandar utama di Afghanistan iaitu Kabul, Logar, Kandahar, Mazar-i Sharif dan Heart.

● Sebilangan besar kanak-kanak dan wanita ini ada di kem-kem pelarian di Peshawar dan Quetta di Pakistan. Bayangkan di Peshawar sahaja, dianggarkan 750,000 anak-anak mangsa perang yang berumur di bawah 18 tahun mendapatkan perlindungan di situ.

Hiris telinga

Kekangan terhadap wanita dan kanak-kanak perempuan masih diamalkan walaupun bertentangan dengan prinsip hak asasi manusia.

Di bawah pemerintahan Taliban sebelum ini, mereka dilarang bekerja dan hanya boleh duduk di rumah. Kanak-kanak perempuan pula tidak dibenarkan ke sekolah seperti kanak-kanak lelaki.

Wanita Afghanistan turut dilarang memakai mekap dan menunjukkan buku lali di sebalik jubah atau burqa yang wajib dipakai ketika keluar rumah.

Malah, untuk ketawa di khayal umum juga membolehkan mereka dipukul jika dilihat oleh tentera Taliban.

Bagi seorang wanita muda

keranang, tetapi sikap segelintir golongan suami yang melayan wanita dengan buruk, walaupun wanita tersebut adalah isterinya sendiri.

Aisha kehilangan kedua-dua belah telinga dan sebahagian hidungnya selepas menjadi mangsa keganasan rumah tangga kira-kira setahun lalu.

Mendakwa dirinya sering dipukul dan dilayan seperti hamba abdi, dia nekad melarikan diri dari rumah mertuanya biarpun sedar tindakannya boleh membawa padah.

"Saya nekad melarikan diri. Jika saya terus ada di rumah itu, saya akan mati," ujarnya ketika ditemu bual majalah *Time* baru-baru ini.

Seperti dijangka, pelarian wanita muda ini tidak lama. Pada

buah kawasan pergunungan berhampiran kampungnya di wilayah Uruzgan di selatan Afghanistan.

Rayuan Aisha supaya dilepaskan langsung tidak diendahkan. Ketua Taliban yang bertindak menjadi hakim pula dikatakan tidak sekuman pun menyimpan rasa belas terhadap apa yang pernah dialami Aisha.

"Sebaliknya sebaik sahaja komander itu memberi keputusan, ada beberapa lelaki datang kepada saya untuk menjalankan hukuman.

"Abang ipar datang memegang dan menyembamkan muka saya ke tanah sementara suami mengeluarkan pisau.

"Kedua-dua telinga saya dihiris sebelum dia memotong sebahagian hidung saya.

"Disebabkan terlalu sakit, saya

Tercier

Sesekali memegang hidungnya yang rabak, Aisha yang kini menetap di sebuah rumah perlindungan yang dirahsiakan lokasinya bertegas enggan tunduk kepada Taliban.

"Mereka yang menjadikan saya jadi begini, bagaimana saya boleh menerima mereka," ujarnya.

Kerajaan baru pimpinan Presiden Hamid Karzai dilihat cuba memperbaiki status wanita di negara itu.

Berkongsi pendapat dengan bekas Timbalan Ketua Pengarah Perisikan Pertahanan, Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Brigedier Jeneral (B) Datuk Mohd. Saïd Sungib, beliau berkata, konflik di Afghanistan meninggalkan trauma dan kesengsaraan kepada generasi wanita serta kanak-kanak Afghanistan.

"Masa depan mereka masih kabur sedangkan golongan ini adalah pewaris yang akan menentukan jatuh bangun negara tersebut pada masa hadapan," ujarnya.

Jelasnya lagi, perang telah merampas segala-galanya daripada tangan mereka.

Kanak-kanak yang sepatutnya hidup dalam lingkungan kasih sayang keluarga, kehilangan kasih sayang tersebut, sama ada kehilangan ibu ataupun bapa.

"Mereka sepatutnya dibesarkan dalam sebuah rumah tangga yang aman damai, bebas untuk bermain dan mengenal dunia kanak-kanak mereka sepenuhnya.

"Sebaliknya perang telah menghadiahkan mereka dengan ruang kosong tanpa masa untuk bermain apatah lagi bersekolah



MASA depan pewaris negara ini masih kabur selagi mereka tidak bebas daripada cengkaman Taliban.



PARA ibu terpaksa meminta sedekah di jalan selepas kematian suami demi kelangsungan hidup anak-anak.

KOSMO



KEDUA-DUA telinga Aisha dan hidungnya dihiris gara-gara melarikan diri dari rumah suaminya.

« seperti kanak-kanak di negara yang aman,” katanya yang berkhidmat selama 38 tahun bersama ATM.

Ceritanya lagi, tanpa sebarang haluan, mereka berkeliaran dan merayau di jalan-jalan raya.

Serata ceruk bandar yang penuh debu dan muram dengan bunyi tembakan senjata perang itu menjadi landskap kehidupan mereka.

“Kanak-kanak tidak menolak apa-apa peluang pekerjaan kerana sekeping roti amat bermakna untuk hidup.

“Sistem pendidikan yang tidak

adius

Abang ipar datang memegang dan menyembamkan muka saya ke tanah sementara suami mengeluarkan pisau. Kedua-dua

“Sistem pendidikan juga tidak dapat dibangunkan di sana. Bahkan, jika bertanya kepada mereka tentang sekolah, ada yang tidak tahu sama sekali apa itu sekolah.

“Peperangan telah memberikan banyak kesan kekejaman dan membunuh nilai kemanusiaan yang ada di dalam diri mereka,” jelasnya.

Said berpendapat kesusahan dan kesengsaraan mereka harus ditinggalkan.

“Sumbangan oleh ATM misalnya terbukti memainkan peranan penting dalam memberi sinar dan harapan baru buat mangsa perang.

“Misi bantuan di negara-negara bergolak seperti Congo, Kosovo, Lebanon, Bosnia dan banyak lagi bukan sahaja mewakili ATM sebaliknya seluruh rakyat negara ini,” jelasnya.

telega saya
dihiris sebelum
dia memotong
sebahagian
hidung saya

AISHA

RUNTUHAN
patung Buddha ini
merupakan bukti
kekerasan Taliban
di Afghanistan.

